

# Boria penyeri Festival Za'ba

**SERDANG** - Kolej Pendeta Za'ba Universiti Putra Malaysia mengambil langkah inisiatif penuh proaktif dengan menjadikan persembahan Boria sebagai aktiviti Festival Za'ba baru-baru ini.

"Boria akan dijadikan identiti budaya untuk warga KPZ. Sebabnya, semua kolej kediaman di UPM sudah mencipta nama dalam seni masing-masing. Seperti, pantun, dikir barat, teater, tarian, sukan dan debat," kata Pengurusnya, Mastor Yusof, mengenai perancangan masa depan Boria di KPZ.

Festival yang merangkumi semua aktiviti kesukanan, usahawan, budaya, forum, dan akademik ini ternyata mendedahkan kepada mahasiswa kolej mengenai budaya dan nilai murni yang terdapat di kalangan warga KPZ, merapatkan hubungan dan silaturahim antara KPZ dengan warga universiti yang lain, mendedahkan, dan memperkenalkan budaya dan tokoh negarawan yang bernama Za'ba kepada warga universiti yang lain,

Seterusnya, mencungkil bakat dan memupuk semangat kerjasama di kalangan mahasiswa UPM melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam program ini, dapat membentuk modal insan di kalangan warga UPM.

Berdasarkan pemerhatian penulis, warga UPM berpeluang untuk mengenali dan mendekati budaya dan cara hidup mahasiswa KPZ dengan lebih dekat dan rapat. Ini kerana kurangnya aktiviti atau program yang dapat merapatkan hubungan dan kerjasama antara warga Kolej Pendeta

Za'ba dengan warga UPM yang lain dan kurangnya pendedahan kepada mahasiswa KPZ mengenai cara kepimpinan dan pengurusan program atau organisasi yang

lebih mencabar.

Nama kolej ini diberi sempena nama seorang tokoh negarawan yang bernama Zainal Abidin bin Ahmad yang telah

dianugerahkan gelaran Pendeta Za'ba yang terkenal sebagai cendekiawan dalam memartabatkan Bahasa Melayu di tanah air.



Boria penuh mesej berguna untuk menasihati generasi muda.